

21 JUN 1999

Mahathir-Lawat

RAKAT MALAYSIA BOLEH LAWAT PUTRAJAYA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru, Putrajaya, akan dibuka kepada semua rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka melawat dan melihatnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kami mahu rakyat datang dan melihat pusat pentadbiran mereka, kami mahu mereka lihat apa yang telah kami lakukan, kami mahu mereka berasa bangga dengan pusat pentadbiran ini.

"Kami mempunyai beberapa tempat menarik dan tempat kesukaan saya ialah tanah paya, yang agak luar biasa," katanya pada persidangan berita pada hari pertamanya di pejabat baru beliau, di sini.

Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur kekal menjadi ibu negara Malaysia manakala Putrajaya, 40km dari bandaraya, akan menjadi pusat pentadbiran kerajaan.

Mulai hari ini, Perdana Menteri Malaysia akan bertugas di pejabat baru, setelah 42 tahun berkhidmat di Jalan Datuk Onn sejak negara mencapai kemerdekaan.

Dr Mahathir -- perdana menteri keempat Malaysia -- mengetik kad perakam tugas sebelum keluar dari pejabat lama itu pada Jumaat lepas dan hari ini, selepas bacaan doa di lobi pejabat baru perdana menteri, beliau hanya perlu melayangkan kad pintarnya pada alat pengecam di pintu lif untuk ke biliknya.

Pejabat Perdana Menteri terletak di tingkat lima di bawah kubah terbesar berwarna hijau di bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata selain tanah paya itu, tempat menarik lain di Putrajaya ialah rakyat boleh menaiki bot di tasik buatan manusia yang seluas 7km.

Tasik itu lebih besar daripada tasik di Canberra, Australia. Putrajaya ialah satu-satunya bandaraya pedalaman di negara ini yang akan mempunyai polis marin.

"Tidak ada pusat negara yang merekabentuk tanah paya dalam seluruh kawasan itu, dan tanah paya ini memenuhi banyak tujuan termasuk menyaring air daripada memasuki tasik.

"Anda mungkin sedar bahawa air dalam tasik itu bersih walaupun sebenarnya banyak kerja-kerja tanah sedang dilakukan. Kerja-kerja tanah itu tidak mencemarkan tasik dengan banyak kelodak atau benda lain," katanya.

Perdana menteri berkata pemandu pelancong juga disediakan untuk para pelawat ke pejabat-pejabat kerajaan serta kediaman rasmi perdana menteri.

"Kediaman rasmi perdana menteri merangkumi banyak bilik awam dengan para pelawat akan dihiburkan.

"Kediaman rasmi ini, secara kebetulannya, seperti yang telah saya katakan, mempunyai enam bilik tidur untuk anak-anak saya, jadi saya perlu meminta empat orang anak lagi dari isteri saya kerana, bagi sesetengah sebab, orang menganggap perdana menteri harus mempunyai enam bilik tidur untuk anak-anaknya," kata beliau secara berseloroh.

"Kami akan mempunyai panduan lawatan yang sempurna dan ia akan bermula secepat mungkin," katanya.

Putrajaya meliputi kawasan seluas 4,581 hektar, kira-kira 40 km selatan Kuala Lumpur, ialah satu daripada dua bandar "pintar" di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC), zon teknologi seluas 15 x 50 kilometer.

Projek itu bermula pada September 1996 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2010.

Pejabat Perdana Menteri menghadap sebuah masjid cantik, yang dapat menampung 15,000 jemaah, dihiasi kubah dan menara setinggi 116 meter.

Kira-kira 1,000 kakitangan awam, kebanyakannya kakitangan Jabatan Perdana Menteri dijangka memulakan kerja di kompleks pentadbiran baru itu bulan ini.

Bilangan itu dijangka meningkat kepada 2,800 orang menjelang akhir tahun ini dan 16,000 orang menjelang tahun 2005. Kementerian-kementerian lain akan menduduki Putrajaya secara berperingkat-peringkat dalam tempoh lima tahun akan datang.

Apabila siap sepenuhnya, Putrajaya dijangka mempunyai penduduk seramai 330,000 orang. Ia akan dikenali sebagai "Bandaraya Dalam Taman" dengan 38 peratus daripada kawasannya ditandakan sebagai kawasan hijau.

-- BERNAMA

AFY NAK